

Skim pencen pastikan masa depan pesara swasta lebih terjamin

Berita Harian 16/10/2010

MENJADI pesara adalah satu lagi babak baru dalam realiti kehidupan. Apabila memasuki gerbang itu, semua pesara mengharapkan ketenteraman hidup dan ketenangan jiwa tanpa dibebani rutin serta kerenah kerja. Bagi pesara sektor awam, sebahagian kos hidup mereka ditampung duit pencen bulanan. Kehidupan tidak lagi boleh digayakan seperti dulu. Duit pencen sekadar cukup menampung kos makan minum, selain membayar bil air dan elektrik serta berbelanja ala kadar. Namun bagi pekerja sektor swasta, jaminan hidup hari tua agak samar. Caruman dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dinikmati sebahagiannya ketika menjelang usia 50 tahun dan baki dikeluarkan sepenuhnya menjelang hari persaraan – 55 tahun. Ada kira-kira 11 juta pekerja dalam sektor swasta dan sebahagian lagi bekerja sendiri. Tetapi gara-gara belanja tidak berhemah menjadikan mereka kelompok yang miskin selepas wang KWSP habis dibelanjakan. Akibatnya, sebahagian pesara swasta akhirnya terpaksa mencari kerja baru untuk menyara diri dan keluarga. Ada yang terpaksa menjadi pengawal keselamatan atau tukang kebun sedangkan ketika usia sebegini mereka sewajarnya tidak perlu bekerja berat. Sebaliknya, menjelang usia emas, mereka berhak 'hidup lebih tenang di rumah bersama keluarga dan memanjakan cucu'.

Justeru, potensi pekerja sektor swasta terdedah kepada kemiskinan apabila bersara, mendorong Kementerian Sumber Manusia memikirkan kaedah terbaik mewujudkan skim pencen untuk mereka yang dijangka dikuatkuasakan pertengahan 2011. Skim pencen mirip sektor awam itu perlu untuk membela kepentingan pekerja swasta, khususnya berpendapatan rendah supaya tidak termasuk dalam kategori miskin tegar. Dianggarkan ada lebih 400,000 pesara dan 1.3 juta penduduk berusia lebih 65 tahun di negara ini. Berikutan tahap kesihatan semakin baik, usia pesara semakin lanjut dan jika tiada skim pencen untuk meneruskan kehidupan, maka akan ramai pesara terpaksa bekerja berat untuk menyara kehidupan. Mereka juga terdedah kepada persekitaran dan persaingan sengit di tempat kerja dengan pekerja yang jauh lebih muda. Bagaimana wang caruman KWSP itu boleh bertahan sehingga 10 tahun selepas semuanya dikeluarkan pada usia 55 tahun? Bagaimanapun apa yang hendak dilakukan kementerian berkenaan untuk memastikan masa depan pesara swasta lebih terjamin jangan disalah anggap. Skim pencen itu bukan tindakan 'merampas' wang hari tua. Adalah wajar, sebahagian caruman KWSP diasing dan dijadikan pencen bulanan sekurang-kurangnya untuk tempoh 15 tahun selepas bersara. Jika mereka meninggal dunia awal daripada tempoh itu, duit pencen disalurkan kepada isteri atau anaknya. Lazimnya, apabila seseorang bersara, dia masih mempunyai tanggungjawab kepada anak yang masih bersekolah atau di institusi pengajian tinggi. Lantas, skim pencen yang sesuai dan merangkumi keperluan pendidikan, rawatan, perubatan dan keperluan seharian mesti dikuatkuasakan segera demi masa depan pesara.